

agro

PENTERNAK dari Belanda bergambar bersama petani tempatan semasa Program Farmer2Farmer di Linggi, Negeri Sembilan baru-baru ini.



Dutch Lady bangun program tenusu

Didik penternak tempatan pertingkat kualiti susu

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**

ashriq.ahmad@utusan.com.my



DIKENALI sebagai program *Farmer2Farmer* (F2F), inisiatif Dutch Lady Milk Industries Berhad (Dutch Lady) bagi mendidik penternak dan pengusaha industri tenusu dalam negara kini dilihat berjaya membuka minda mereka.

Sebagai peneraju pengeluaran tenusu tempatan, usaha Dutch Lady tersebut merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial yang dilakukan oleh mereka bagi memastikan industri tenusu terus berkembang dengan baik dan pesat di negara ini.

Program F2F merupakan sebahagian daripada Program Pembangunan Tenusu (DDP) Dutch Lady yang telah dilancarkan pada tahun 2013.

Program tersebut bertujuan meningkatkan industri tenusu tempatan menerusi peningkatan kuantiti dan kualiti susu yang dihasilkan dalam negara, sekali gus membangunkan kemahiran penternak lembu susu tempatan dan memperbaiki ekonomi mereka.

Menurut Pengurus DDP, Dutch Lady Malaysia, **SP Ching**, program F2F yang pertama diadakan pada tahun 2013 penternak tempatan didedahkan dengan pelbagai tip bagi meningkatkan



PENTERNAK dari Belanda, Peter Hoeks (tiga dari kiri) bersama rakannya, Minne Holtrop (tengah) dan Andre Bakker (tiga dari kanan) bersama-sama dengan wakil dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Dutch Lady Malaysia di Linggi, Negeri Sembilan baru-baru ini.

pengeluaran susu lembu.

"Antaranya adalah seperti melalui perubahan dalam makanan yang dibekalkan, pengurangan tahap kelembapan di ladang dan penjagaan kuku ternakan.

"Sejak perlaksanaan F2F pada tahun 2013, pengeluaran susu tempatan yang dibekalkan kepada Dutch Lady Malaysia meningkat sebanyak 64 peratus.

"Program F2F ini adalah anjuran syarikat induk Dutch Lady Malaysia iaitu RFC (Royal Friesland Campina), yang terkenal dengan kepakaran bidang tenusu selama 140 tahun di Belanda," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Tambah Ching, peluang berinteraksi dan bertukar-tukar maklumat menerusi program F2F merupakan peluang yang perlu dihargai oleh pengusaha dan

penternak lembu tenusu.

Ini kerana program sedemikian jarang dilaksanakan serta unik kerana penternak tempatan berpeluang mempelajari tip serta amalan penternakan yang baik secara pratikal.

Terbaharu, melalui program tersebut, tiga orang penternak lembu tenusu Belanda dibawa ke negara ini oleh Dutch Lady.

Ketiga-tiga penternak tersebut dibawa ke ladang-ladang di Negeri Sembilan, Melaka, dan Perak selama dua minggu untuk berkongsi amalan baik penjagaan ternakan lembu tenusu ternakan serta berkongsi tip mengenai cara untuk meningkatkan kemahiran perternakan dengan penternak tempatan.

Program F2F tersebut melibatkan 24 orang pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan 89 penternak lembu tenusu tempatan iaitu mereka yang membekalkan susu segar kepada Dutch Lady Malaysia.

Penolong Pengarah Kanan JPV, **Dr. Emelia Aini Kamaruzzaman** berkata, program F2F pertama pada tahun 2013 berjaya menunjukkan peningkatan pengeluaran susu tempatan pada tahun-tahun berikutnya.

Ujarnya, buat masa ini bekalan susu tempatan semasa hanya menyumbang kepada lima peratus daripada keperluan negara.

Namun pelbagai usaha giat dijalankan untuk meningkatkan kadar bekalan susu tempatan kepada lapan peratus pada tahun 2020.

“Pihak JPV juga gembira kerana sekali lagi dapat bekerjasama dengan Dutch Lady Malaysia untuk pelaksanaan F2F musim kedua.

“Untuk membantu meningkatkan kecekapan dan amalan pengurusan, JPV bekerja rapat dengan para penternak membantu meningkatkan produktiviti susu, kecekapan pengurusan perternakan dan juga meningkatkan hasil susu dan kualiti lebih baik,” katanya.

Dutch Lady merupakan pembeli terbesar susu segar tempatan di negara ini dan digunakan sepenuhnya untuk menghasilkan produk susu segar Dutch Lady yang dipasteur serta produk susu segar Dutch Lady yang disteril.

Program F2F memberi tumpuan kepada pengurusan sistem pentadbiran ladang yang baik (kemampuan bekalan dan keuntungan) serta kaedah pemerahan susu.

Selain itu, tumpuan turut ditekankan bagi mencari formula terbaik dalam penyediaan makanan untuk ternakan, kaedah pemantauan, ilmu pembiakan dengan mengetahui waktu kesuburan



SP CHING

Fakta

- Program DDP telah diperkenalkan sejak tahun 2008 hasil kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) serta mendapat sokongan dari Kedutaan Belanda di Malaysia.
- Program tersebut diadakan bertujuan membantu pembangunan perniagaan penternak tempatan serta memastikan kualiti dan kuantiti susu segar tempatan lebih terjamin.
- Industri tenusu tempatan dijalankan secara tertutup dengan hampir 92 peratus daripada ladang tenusu melibatkan penternak kecil yang mempunyai kurang daripada 30 ekor lembu bagi setiap ladang.
- Sebagai perbandingan, harga susu segar di Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia iaitu RM2.70 seliter, Thailand (RM2/liter); Indonesia RM1.47/liter dan Vietnam RM2/liter).
- Faktor-faktor yang menyumbang kepada harga susu mentah yang tinggi di Malaysia iaitu:
 - Hasil rendah, purata lapan liter bagi seekor lembu.
 - Kos input seperti makanan ternakan tidak mencukupi dan mahal.
 - Kekurangan teknologi yang cekap dan kos buruh yang mahal.

yang baik serta tumpuan khusus.

F2F bernaung di bawah Program DDP dan dibiayai sepenuhnya oleh Dutch Lady Malaysia, dengan subsidi sebahagiannya daripada syarikat induk.

Sebagai pembeli susu segar tempatan terbesar di Malaysia, Dutch Lady menerusi DDP membantu memudahkan perkongsian perniagaan antarabangsa dan kepakaran teknikal kepada penternak tempatan serta pihak berkepentingan yang terlibat dalam industri tenusu.

Penternak dari Belanda, **Minne Holtrop**, 59 berkata dia gembira kerana lebih ramai penternak tempatan diberi peluang berkongsi teknik serta amalan perladangan yang baik dalam F2F musim kedua tersebut.



PENTERNAK dari Belanda, Peter Hoeks menunjukkan cara menjaga kuku lembu susu yang betul, dibantu oleh dua orang petani muda di Perak.



MINNE HOLTROP (kanan) berkongsi tip bagaimana mengoptimumkan pengeluaran susu dengan penternak tempatan dari Perak, Harban Singh (dua dari kanan) sambil disaksikan oleh dua orang pelajar yang sedang dalam latihan praktikal dari Universiti Putra Malaysia.

DPP tingkat kuantiti, kualiti susu tempatan

DUTCH Lady Milk Industries Berhad (Dutch Lady) telah memulakan Program Pembangunan Tenusu (DDP) pada tahun 2008, dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Kementerian Pertanian (MoA) dan disokong oleh Kedutaan Belanda di Malaysia.

DDP diwujudkan dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti, kuantiti dan daya pengeluaran susu segar tempatan yang dihasilkan oleh penternak tenusu tempatan.

Selama bertahun-tahun, matlamat tersebut telah berkembang ke arah meningkatkan kualiti susu segar tempatan dan berkongsi perniagaan, kepakaran teknikal kepada petani dan pihak berkepentingan lain yang terlibat dalam industri tenusu tempatan.

Sebahagian daripada program tersebut menyediakan penternak tempatan dengan nasihat teknikal dan perniagaan, pengetahuan dan pemindahan ilmu.

Untuk tujuan itu, pegawai JPV juga berhubung rapat dengan Dutch Lady dan pakar tenusu dari serata dunia.

Hasil keseluruhan adalah meningkatkan kualiti susu segar tempatan, meningkatkan kecekapan ladang dan membantu petani menjalankan perniagaan mereka dengan lebih profesional.

Akhirnya, ini membantu memberikan kehidupan yang lebih baik kepada pengusaha dan meningkatkan landskap tenusu tempatan secara keseluruhan.

Secara ringkas, DDP telah menumpukan objektif memberi inspirasi, motivasi dan insentif kepada pengusaha untuk berusaha ke arah peningkatan kualiti dan hasil susu yang lebih baik.

Terdapat perkongsian dan pemindahan kepakaran tenusu dan pengetahuan komuniti pertanian, untuk mencapai situasi menang-menang bagi semua pihak.

Antara aktiviti program termasuk pengurusan ladang, pemakanan dan sokongan teknikal untuk penternak selain perkongsian ilmu di antara penternak dan pegawai JPV.

Status Statistik pada tahun ini menunjukkan 700 penternak telah berdaftar dengan JPV dengan 200 daripadanya dari negeri Perak, Melaka, Pahang, Selangor dan Johor telah menerima manfaat daripada program DDP.

Dutch Lady membiayai program DDP dengan subsidi sebahagiannya diberikan oleh syarikat induk, Royal Friesland Campina (RFC).

Sementara itu, F2F telah dilancarkan pertama kali di Thailand pada Mac 2013 dan dan disusuli oleh negara lain seperti Malaysia, Indonesia, Vietnam dan Nigeria.

Seramai 60 penternak telah terpilih menghadiri Program F2F ketika pelaksanaannya yang pertama kali di negara ini pada tahun 2013.

Tahun ini, F2F dianjurkan untuk kali kedua sebagai sebahagian daripada DDP melibatkan tiga penternak yang sama dari Belanda.

Mereka diterbangkan ke Malaysia untuk berkongsi ilmu mengenai amalan perladangan dan penternakan yang baik dengan penternak tempatan.

Program F2F kali ini telah dihadiri oleh 114 penternak yang terdiri daripada ahli-ahli Koperasi Serbaguna Tenusu Melaka (KST), Koperasi Penternak Tenusu Negeri Perak (KOPTEN) dan Koperasi Penternak Ruminan Selangor (KPRS).

Mereka dipilih menghadiri program di Linggi dan Melaka dari 15 hingga 17 April di Selangor dan 20 April 2014 dan pada Perak 22 hingga 23 April lalu.

F2F secara khususnya menggunakan kaedah sesi latihan praktikal di ladang sebenar melibatkan perkongsian ilmu seperti:

- Amalan pengurusan ladang yang baik.
- Amalan pengendalian lembu susu yang betul.
- Makanan yang berkesan dan amalan program pemakanan.
- Kesihatan haiwan yang baik dan amalan program kesuburan.
- Kesihatan dan kawalan dan amalan penyakit haiwan.
- Ujian susu dan pemantauan kaedah dan program.